



USIM harga sumbangan media

Mohd Amin Jalil - Oktober 15, 2022 @ 10:41am
bhnews@bh.com.my



Prof Ts Dr Sharifudin Md Shaarani (kanan) melancarkan buku mengandungi keratan akhbar berita berkaitan USIM pada Majlis Bersama Media USIM 2022 di Nilai, semalam. -
NSTP/MOHD AMIN JALIL

NILAI: Kepentingan media cetak dan elektronik dalam mempromosi universiti tidak boleh dinafikan kerana melalui media masyarakat mendapat pelbagai maklumat berguna.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Ts Dr Sharifudin Md Shaarani, berkata pihaknya amat menghargai kerjasama dan sokongan pihak media dalam mempromosikan universiti itu kepada umum.

Melalui media juga, juga, pensyarah dan penyelidik USIM banyak dibantu menyebar luas hasil penyelidikan dan buah fikiran yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

"Secara tidak langsung, ini telah memberikan impak positif kepada universiti dalam membina jenama pendidikan yang unggul di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

"Hubungan baik di antara universiti dengan media amat penting kerana ia membawa situasi menang-menang yang membawa faedah kepada kedua-dua pihak," katanya pada Majlis Bersama Media 2022 di Nilai Springs Resort Hotel & Country Club, di sini petang semalam.

Turut hadir, Pendaftar USIM, Datuk Muhammad Haizuan Rozali; Pengarah Pusat Komunikasi Strategik (StraComm), Dr Hammad Fardhi Mohd Saudi; Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman serta lebih 30 petugas media Negeri Sembilan dan Selangor.

Majlis anjuran Stracomm USIM itu diadakan bagi menghargai sumbangan media dalam memberi liputan yang baik terhadap USIM.

Sharifudin melahirkan rasa gembira dan berpuas hati di atas kredibiliti, sumbangan dan komitmen yang berterusan pihak media dalam memaparkan publisiti USIM.

"Perkembangan dan kemajuan universiti berdasarkan pencapaian dan kebolehan tinggi oleh pelajar serta kakitangan tidak akan tercapai sekiranya tidak disebar luas kepada seluruh lapisan masyarakat.

"Saya amat berharap kerjasama dan hubungan erat ini terus kekal bagi masa-masa akan datang," katanya.

Beliau turut memaklumkan, USIM akan meraikan 3,096 orang graduannya pada Majlis Konvokesyen Ke-20 pada 13 hingga 15 Disember depan, termasuk mereka yang menamatkan pengajian pada 2020 dan 2021.

"Tema konvokesyen kali ini 'Graduan Cemerlang, USIM Disayang'. Majlis akan berlangsung di Dewan Tuanku Canselor," katanya.